

# **MANUSKRIP MELAYU ISLAM SEBAGAI WARISAN KEARIFAN TEMPATAN: ISU DAN PROSPEK MASA DEPAN**

Mashitah Sulaiman (a) \*, Mohd Nazir Ahmad (b), Suhailiza Md  
Hamdani (c), Muhammad Khairi Mahyuddin (d)

\*Corresponding author

(a) Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Pusat Pengajian Teras,  
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan,  
Malaysia. [mashitah@usim.edu.my](mailto:mashitah@usim.edu.my)

(b) Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan  
Selangor, Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor, Malaysia,  
[mnazir794@uitm.edu.my](mailto:mnazir794@uitm.edu.my)

(c) Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. [suhailiza@usim.edu.my](mailto:suhailiza@usim.edu.my).

(d) Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. [muhdkhairi@usim.edu.my](mailto:muhdkhairi@usim.edu.my).

## **Abstrak**

Manuskrip Melayu Islam merupakan warisan kearifan dan keintelektualan tempatan yang mempunyai ketinggian nilai keilmuannya. Sumbangan manuskrip sangat besar terutama dalam konteks sebelum muncul dan berkembangnya percetakan sebagai wasilah pengembangan ilmu dan maklumat. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji manuskrip Melayu sebagai khazanah kearifan tempatan bangsa Melayu yang menampilkan pandangan sarwa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Kajian ini juga menganalisis isu cabaran dan masa depan kajian manuskrip Melayu Islam dari aspek analisis kandungan dan pengurusan manuskrip Melayu lama yang tersimpan di dalam dan luar Alam Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan kajian perpustakaan dan bahan sekunder seperti buku, artikel jurnal dan akhbar. Temubual bersama pakar juga dijalankan bagi menganalisis scenario isu dan cabaran kajian manuskrip Melayu Islam di Alam Melayu. Kajian ini menjangkakan untuk mencari titik temu dan ruang perbincangan

untuk membina sinergi baru dalam mengaktifkan semula wacana kajian manuskrip Melayu Islam di Alam Melayu.

**Katakunci:** "Manuskrip Melayu Islam, Warisan, Kearifan, Keintelektual, Isu, Masa Depan"

### ***Abstract***

Malay Islamic Manuscripts is a legacy of wisdom and intellectual that has altitude of scientific value. The contribution of Malay manuscripts is enormous, especially in the context before the emergence and development of printing, as a vehicle for the development of knowledge and information. This study was conducted to examine the manuscript treasures of wisdom as the local Malay heritage featuring brilliant insights in various fields of sciences. The study also analyzes the issues, challenges, and future prospect of research on Malay manuscripts in term of content analysis and management of old Malay manuscripts stored in and outside the Malay world. This study uses content analysis methods based on library research and secondary materials, such as books, academic journal articles and newspapers. This research anticipates to find a solution and discussion space to build new synergies in reactivate discourse study of Malay manuscripts in the Malay Muslim.

**Keywords:** "Islamic Malay manuscript, Heritage, Wisdom, Intellectualism, Issues, Future"

### **PENGENALAN**

Alam Melayu kaya dengan khazanah peninggalan kearifan tempatan yang menjadi kebanggaan umat Melayu. Antara khazanah yang bernilai ini ialah manuskrip Melayu lama yang jumlahnya mencecah puluhan ribu. Di Universiti Leiden, Belanda, sahaja tersimpan lebih 20,000 buah manuskrip Melayu. Selebihnya tersimpan di negara Rusia, Jerman, Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat, Algeria, Sri Lanka dan Afrika Selatan. Di alam Melayu, sebahagian manuskrip Melayu lama terdapat di Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Thailand

(khususnya di bahagian selatan), Filipina dan Kemboja (Awang Sariyan, 2019a: 2).

Di Malaysia, pusat penyimpanan manuskrip Melayu lama yang utama ialah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), dengan jumlahnya menghampiri 5,000 naskhah, dan beberapa pusat lain seperti Dewan Bahasa dan Bahasa, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Pemikiran dan Peradaban Islam (ISTAC), Muzium Kesenian Islam dan lain-lain. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mula menghimpunkan salinan digital manuskrip Melayu lama yang terdapat di luar Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan Islam. Sebagai permulaan, UniSZA akan menerima 35,000 naskhah manuskrip lama dibeli dari Universiti Durham, United Kingdom pada hujung Julai 2019 (Mohd Azlim, 2019). Sementara di luar Malaysia, terdapat pusat penyimpanan manuskrip Melayu lama di Singapura, di Brunei Darussalam, di Indonesia, di perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, British Library, Bodleian Library di Universiti Oxford, Universiti Cambridge, British Library dan Universiti Manchester (semua di United Kingdom), Perpustakaan Australian National University, New York Public Library dan beberapa perpustakaan di Eropah (Awang Sariyan, 2019b: 2).

Antara bidang penulisan manuskrip Melayu yang sering diketengahkan antaranya seperti bidang keagamaan Islam yang kebanyakannya di tulis dalam tulisan Jawi dan Bahasa Arab, yang terdiri daripada ilmu tajwid, fekah, tasawuf, akhlak dan sejarah. Manakala dalam bidang tradisi Melayu tempatan pula seperti hikayat, budaya dan perubatan. Kajian manuskrip Melayu memainkan peranan besar dalam mengisi kelompangan yang masih wujud untuk memahami falsafah dan jati diri bangsa Melayu. Setakat ini hanya kira-kira 30% sahaja daripada sejumlah kira-kira 20,000 manuskrip Melayu yang terdapat di seluruh dunia telah dikaji dengan mendalam (Asmak & Si Fatimah, 2013).

Khazanah warisan manuskrip Alam Melayu amat tinggi nilai estetikanya dan wajar dikaji dengan menggunakan metodologinya yang tersendiri. Khazanah yang pernah suatu ketika tidak diendahkan nilai estetikanya (*aesthetic value*), kini semakin mendapat perhatian peminat dan pengkaji manuskrip Melayu lama. Khazanah bernilai ini menyimpan pelbagai ilmu, petua dan

kisah silam yang melambangkan ketinggian kearifan tempatan nenek moyang orang Melayu yang seharusnya dipelihara, dipulihara dan dijamin kesinambungan serta 'keselamatan'nya untuk tatapan anak bangsa Melayu (Amer Hudhaifah, 2017: 25).

Kelewatan memahami dan menyedari hakikat bahawa manuskrip Melayu Islam sebagai warisan kearifan tempatan yang tinggi nilainya, menyebabkan kita terpaksa berbelanja tinggi untuk mengumpulkan kembali dan menyelamatkan khazanah yang berjaya dikesan kebanyakannya berada di luar Alam Melayu, termasuk di beberapa negara Eropah lainnya seperti German, Perancis, Britain sehingga menyebabkan khazanah tersebut pada hari ini bersemadi di sana dan menjadi hak milik mereka. Akibatnya, khazanah bernilai ini tidak boleh diambil atau dikumpulkan kembali kecuali dengan membayar harga yang sangat tinggi dan melibatkan usaha banyak pihak (Hassan, *Berita Harian*, 11 Julai 2006). Walaupun usaha ini agak sedikit terlewat, namun sedikit sebanyak dapat membuka mata dan menyedarkan orang Melayu akan pentingnya memelihara khazanah warisan kearifan tempatan sebagai perlambangan tradisi budaya tinggi dan Peradaban Melayu.

Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji manuskrip Melayu sebagai khazanah kearifan tempatan bangsa Melayu yang menampilkan pandangan sarwa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Kajian ini juga menganalisis isu, cabaran dan prospek masa depan kajian manuskrip Melayu Islam dari aspek analisis kandungan dan pengurusan manuskrip Melayu lama yang tersimpan di dalam mahupun luar Alam Melayu.

## **MANUSKRIP MELAYU SEBAGAI KHAZANAH KEARIFAN TEMPATAN BANGSA MELAYU ISLAM**

Istilah manuskrip ini diambil dari perkataan Inggeris iaitu '*manuscript*' yang berakar daripada kata dalam bahasa Latin *manus scriptus* (*manus* bererti 'tangan' dan *scriptus* bererti 'tulisan') (Awang, 2019: 1; Abu Hassan Sham 2003: 41). Sejarah terhasilnya manuskrip berkaitan rapat dengan pertumbuhan dan perkembangan peradaban manusia dalam bidang ilmu dan komunikasi. Wan Ali Wan Mamat, (1988: 7) merujuk manuskrip

kepada “apa-apa tulisan jawi/rumi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu, kain dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas” (Mahbob dan Juhaida, 2021).

Menurut Kamus Dewan (2005), manuskrip bermakna manuskrip tulisan tangan. Manakala Ding Choo Ming (2003), menyatakan bahawa manuskrip ialah sumber maklumat yang mengandungi pemikiran, ilmu dan akal budi pemikiran Melayu yang terawal. Manuskrip juga bermaksud semua peninggalan bertulis daripada nenek moyang terdahulu seperti kertas, lontar, kulit kayu, rotan, dan sebagainya. Tulisan tangan pada kertas tersebut biasanya diguna pakai pada manuskrip yang berbahasa Melayu, Mandailing, Aceh, Minangkabau, Bugis, Sunda, Bali dan berbahasa Jawa (Makmur et al., 2016: 2). Menurut Baried (1994), manuskrip adalah benda konkrit yang dapat dilihat atau dipegang. Ringkasannya, manuskrip secara khusus ialah semua dokumen yang ditulis tangan. Sedangkan perkataan naskhah diambil daripada bahasa Arab *nuskhatun* yang bererti sebuah potongan kertas. Naskhah tulisan tangan yang menjadi kajian filologi, biasanya berupa tulisan tangan dengan menggunakan pena, pensil ataupun ketikan (bukan cetakan)(Makmur et. al., 2016: 3).

Namun begitu, istilah manuskrip ini tidak berdiri sendiri tanpa ungkapan Melayu. Oleh itu, gabungan dari perkataan-perkataan manuskrip dengan Melayu ‘Manuskrip Melayu’ memberi erti terhadap hasil karya penulisan tangan, berskrip Jawi dengan menggunakan versi Melayu yang dihasilkan sekitar abad ke 16 sehingga 19 (Perpustakaan Negara Malaysia, 2002: 14).

Lanjutan daripada takrifan ini, Perpustakaan Negara Malaysia (2012) juga mendefinisikan manuskrip Melayu sebagai karya-karya dalam tulisan jawi, yang berbahasa Melayu yang bertulis tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit binatang, daun lontar, buluh, gading, kayu dan kain yang dihasilkan seawal-awalnya dalam lingkungan abad ke-16 dan selewat-lewatnya abad ke-20. Definisi tersebut menimbulkan beberapa isu yang mana wujud beberapa manuskrip yang ditemui sebelum abad ke-15 dan juga wujudnya manuskrip yang ditulis dengan tulisan tempatan selain tulisan Jawi (Mohd Anuar, 2017: 64). Oleh yang demikian, dengan pengenalan Dasar Manuskrip Melayu pada

tahun 2014, definisi ini diubah kepada pernyataan yang lebih umum. Dalam dokumen tersebut manuskrip ditakrifkan sebagai segala bentuk tulisan tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun (Perpustakaan Negara Malaysia, 2014).

Perbincangan tentang kearifan tempatan (*local wisdom*) telah menjadi tajuk perdebatan dalam kalangan ahli akademik. Kearifan tempatan bukanlah membawa maksud *local genius* (kepandaian tempatan) yang kerap digunakan oleh sarjana Barat. Perkataan “arif” ini membawa maksud mengetahui secara mendalam ataupun bijaksana kerana didasarkan kepada pemikiran yang mendalam. Ianya biasa digunakan untuk melambangkan kebijaksanaan seseorang yang mencapai *maqam al-Arifin* (Rahimin Affandi, Ruzman, Nor Hayati & Norafifah, 2013: 224).

Terdapat pelbagai takrifan yang diberikan oleh para sarjana dan tidak ada satu kajian yang dilihat cuba untuk mengelaskan takrifan yang digunakan (Muhammad Yusri, Mohd Anuar, 2020: 176, 180). Penggunaan istilah ini dengan pelbagai makna menyebabkan timbul kekeliruan dalam pendefinisian istilah kearifan tempatan. Muhammad Yusri dan Mohd Anuar, (2020) mengkategorikan penulisan sarjana tentang kearifan tempatan, kepada tiga klasifikasi; pertama, menyamakan makna kearifan tempatan dengan keilmuan tempatan dan kepandaian tempatan. Kedua, menyamakan makna kearifan tempatan dengan kepandaian tempatan. Ketiga, membezakan antara kearifan tempatan dengan keilmuan tempatan dan kepandaian tempatan.

Kategori pertama, iaitu penulis yang menyamakan kearifan tempatan dengan kepandaian tempatan (*local genius*) dan keilmuan tempatan (*local knowledge*). Sebagai contoh, penyamaan istilah dan makna kepada ketiga-tiga terminologi ini telah dinyatakan oleh Purna (2009: 2) seperti kenyataannya; *‘local knowledge may often be termed as local wisdom or local genius’*. Jika digunapakai klasifikasi pentakrifan yang diberi oleh Purna (2009: 2), kearifan tempatan, keilmuan tempatan dan kepandaian tempatan membawa maksud yang sama yang menunjukkan kepada kepandaian sesuatu bangsa yang diwarisi hasil daripada pengalaman golongan-golongan terdahulu, ia diwarisi dan diajari daripada satu generasi ke satu generasi yang lain.

I Wayan et.al. (2017: 1229) juga menyokong pandangan yang dibawa oleh Purna (2009: 2) dengan mengemukakan pentakrifan yang berikut,

*“Since the implementation of Undang – Undang Otonomi Daerah Nomor 22/1999, local wisdom or local genius becomes a popular discourse for character education. Hobsbown (in Mudana, 2003) defines it as a set of practices determined by clear or subtle rules, rituals, and/or symbolic characteristics”.*

Kategori kedua ialah kelompok penulis yang membezakan antara kearifan tempatan dengan keilmuan tempatan, tetapi menyamakan takrif kearifan tempatan dengan kepandaian lokal. Penyamaan istilah antara kearifan tempatan dengan kepandaian tempatan dipelopori oleh Ayatrohaedi (1986: 140-141). Beliau mengemukakan takrifan seperti yang tercatat dalam Giska Adilah (2012: 614), “In the disipline of Anthropology, the term of local wisdom has known as local genius. Cultural elements as a potential for local genius has proven its ability to survive to the present”. Klasifikasi kedua ini juga disokong oleh I Gusti (2015: 49) dengan pentakrifannya:

*Local wisdom (local genius) is a human intelligence possessed by a group human acquired through life experiences and characteristics embodied in its culture. May means that a member of civilized society to be smart thanks to life experiences as he understands. Wisdom in culture is a form of intelligence that is generated by public owner of the respective culture”.*

Dalam klasifikasi ini dapat dilihat para sarjana menyamakan antara kearifan tempatan dengan kepandaian tempatan yang membawa pengertian kepandaian dan kecerdasan tempatan dalam berinteraksi sesama manusia dan alam. Ia juga dalam bentuk pengalaman manusia yang dipraktikan sekian lama dan diwarisi secara turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain (Muhammad Yusri, Mohd Anuar, 2020: 176, 181).

Klasifikasi ketiga pula membezakan antara pentakrifan kearifan tempatan, kepandaian tempatan dan keilmuan tempatan. Kearifan tempatan diletakkan pada tingkat tertinggi yang lahir

daripada gabungan ilmu, pengalaman, kreativiti, kepandaian dan ilham yang menjadi panduan kepada masyarakat (Mu Xiuping & Kissya, 2010: 12; Geerts, 2007: 44). Ia adalah hasil pemikiran yang boleh diterima secara logik dan rasional dan boleh diuji keberkesannya secara saintifik (Bates, 2009: 7; Warren, 1996: 42). Ia juga sarat dengan nilai-nilai positif secara tersurat dan tersirat. Ia seperti yang dinyatakan oleh Battiste (2002: 7) iaitu,

*“local wisdom is complete knowledge system with its own concepts of epistemology, with its own scientific and logical validity”.*

Husni Thamrin (2013:46-47) cuba membezakan antara antara kearifan tempatan dengan keilmuan tempatan yang mana kearifan tempatan adalah suatu sistem yang merangkumi kehidupan sosial, politik, budaya, ekonomi dan lingkungan dalam masyarakat tempatan. Manakala keilmuan tempatan adalah salah satu daripada komponen kearifan tempatan yang punyai beberapa ciri seperti dinamik, diwarisi dan diterima oleh masyarakat. Keilmuan tempatan juga ditakrifkan dengan keilmuan tradisional (traditional knowledge) (Chrystal, 2017: 125; Yadav, 2012: 225; Yaoubian, 2017; 132).

Pentakrifan yang menyeluruh tentang kearifan tempatan dapat dilihat pada tiga penulis nusantara; pertama, Muhammad Din et al. (2017: 1048) dengan mengemukakan unsur ‘truth’ atau kebenaran dan ‘wise’ atau kebijaksanaan dalam pentakrifannya. Ia terkait dengan apa yang disebut sebagai hikmah dalam ilmu. Pentakrifan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

*Local wisdom consists of two words, wisdom and local. The local wisdom can be understood as the ideas of local that are wise, full of wisdom and good value embedded and followed by members of community. The local wisdom is the knowledge and experience related to everyday life, occupations and cultures that has been passed down from generation to generation.*

Kedua, Rahimin Affandi (2013: 224) memberikan pentakrifan dengan mengemukakan perbezaan antara kearifan tempatan dengan kepandaian tempatan. Beliau menyatakan bahawa perkataan kearifan berasal daripada kata dasar arif dalam bahasa Arab yang membawa maksud mengetahui secara mendalam



tentang sesuatu perkara. Ia juga terkait dengan hikmah atau kebijaksanaan yang terlahir hasil daripada serangkaian keilmuan yang dimiliki oleh seseorang yang kemudiannya menjadi panduan dan amalan dalam masyarakat setempat, ini dibuktikan dengan pentakrifan yang diberi seperti di bawah:

*... kearifan tempatan (local wisdom) berbeza dengan kepandaian tempatan (local genius) seperti definisi yang dikemukakan oleh barat. Terminologi ini berasal daripada perkataan ‘arif’ yang membawa maksud mengetahui secara mendalam tentang sesuatu perkara dan ia melambangkan kebijaksanaan seseorang.*

Ketiga, kearifan tempatan dapat difahami sebagai usaha manusia menggunakan daya kognitif (akal budi) dalam memberi respon dan menyatakan sikap terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi dalam masyarakat setempat. Ia disimpulkan dalam pengertian di bawah (Habib Shultan & Prasetiawati, 2016: 231),

*“Local wisdom yang disusun secara etimologi, di mana wisdom difahami sebagai kemampuan seseorang dalam menggunakan akal fikirannya dalam bertindak atau bersikap sebagai hasil penilaiannya terhadap sesuatu, objek atau peristiwa yang terjadi. Sebagai sebuah istilah, wisdom sering diertikan sebagai kearifan dan kebijaksanaan”.*



Rajah 1 Hirarki Keilmuan, Kepandaian dan Kearifan Tempatan  
Sumber: Muhammad Yusri dan Mohd Anuar, (2020).

Rajah 1 menunjukkan hirarki kearifan tempatan yang terletak lebih tinggi berbanding kepandaian tempatan dan keilmuan tempatan sepertimana dijelaskan oleh Muhammad Yusri dan Mohd Anuar, (2020a)(Lihat Rajah 1). Muhammad Yusri & Mohd Anuar, (2020a: 32), juga mentakrifkan kearifan tempatan sebagai satu set pengetahuan dan amalan yang eksplisit (tersirat) hasil akal budi (kognitif) golongan cerdik pandai tempatan dalam menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan masyarakat tempatan. Hikmah yang terselindung di sebalik amalan ini memerlukan pengamatan untuk memahami sesuatu amalan yang tidak boleh terlihat melalui pandangan mata kasar (Miranita, 2017: 17). Keperluan masyarakat yang pelbagai menyebabkan cerdik pandai menggunakan unsur hikmah dan kebijaksanaan dalam penerapan ilmu dalam masyarakat (Habib Shulton & Prasetiawati, 2018: 231; Ridwan, 2007: 2- 3). Muhammad Yusri & Mohd Anuar, (2020b: 32) memberi contoh kearifan tempatan, seperti amalan jaga kubur untuk halang pencurian kain kafan dan jasad mayat.

Perbahasan di atas meletakkan manuskrip Melayu Islam sebagai suatu hasil kearifan tempatan berasaskan kepada ciri-cirinya yang unik antaranya, pertama, penghasilan manuskrip Melayu menandai tahap tinggi peradaban apabila fikiran, teori, proses dan hasil kreativiti serta inovasi bangsa ditransformasikan daripada bentuk lisan kepada bentuk yang lebih abadi dan memungkinkan peluasan ilmu, iaitu tulisan (Awang, 2019).

Kedua, manuskrip Melayu lama menjadi salah satu khazanah yang penting bagi bangsa Melayu kerana menampilkan pandangan sarwa (*worldview*) yang berkaitan dengan sistem kepercayaan atau agama, falsafah, ketatanegaraan, undang-undang, perubatan tradisional, kesenian, persenjataan dan aspek-aspek lain peradaban bangsa (Awang, 2019).

Ketiga, manuskrip Melayu merupakan karya bertulis tangan dalam tulisan Jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal abad ke-16 sehingga awal abad ke-20, berdasarkan takrifan yang diberikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (1997, 2002). Bidang penulisan manuskrip mencapai kemuncaknya pada abad ke-17 serentak dengan kegemilangan ilmu Islam yang berpusat di Aceh (Mahayudin, 2000). Menurut Ding (2003), manuskrip Melayu pada kebiasaannya disalin berulang kali hingga

memungkinkan terdapat versi yang berbeza bagi sesebuah manuskrip.

Keempat, manuskrip Melayu memperlihatkan pengetahuan dan kearifan tempatan yang bersumberkan akumulasi ilmu pengetahuan dan pengalaman serta interaksi masyarakat Melayu dengan budaya berbeza.

Kelima, penulisan manuskrip Melayu melibatkan keintelektualan bangsa Melayu berbahasa, kemahiran menulis tangan yang memerlukan pengetahuan dan kearifan dalam bidang yang dibincangkan, selain kemahiran khususnya menggunakan sistem tulisan jawi atau rumi, dan ilmu filologi kerana hampir sebahagian besar manuskrip Melayu ditulis dalam tulisan Jawi. Hal ini bersesuaian dengan definisi manuskrip Melayu oleh yang dikemukakan oleh Wan Ali Wan Mamat, (1988) merujuk kepada “apa-apa tulisan jawi/rumi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu, kain dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas” (Mahbob dan Juhaida, 2021).

Terdapat banyak khazanah manuskrip Melayu ditemui dalam pelbagai bidang. Di Universiti Leiden, Belanda sahaja terdapat 20,00 naskhah manuskrip Melayu dalam pelbagai bidang dan hanya 5% daripadanya yang dikaji sepenuhnya (Naim Tamdjis, 2020: vii). Selain Universiti Leiden, terdapat 10,000 ke 15,000 manuskrip Melayu turut tersimpan di British Library, Vatican Library, The Smithsonian Institute (Amerika), Library of Congress, Harvard University, Saint Peterburg State University, sehingga Daegu University di Korea turut mempunyai Pusat Pengajian Jawi dan merekrut pakar penterjemah dalam Jawi (Naim Tamdjis, 2020: x). Di luar negara, setakat ini terdapat enam katalog manuskrip Melayu lama, iaitu: Katalog manuskrip Melayu di Belanda (1985), Katalog manuskrip Melayu di Perancis (1991), Katalog manuskrip Melayu di Jerman (1992), Katalog manuskrip Melayu di Library Congress, Amerika Syarikat (1993), Katalog manuskrip Melayu di Singapura (1993), dan Katalog manuskrip Melayu di Afrika Selatan (1998) (Mohd. Anuar Mamat, 2017).



Gambar 1: Halaman awal *Hidayat al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin*, terjemahan Sheikh Abdul Samad daripada karya *Bidayat al-Hidayah* oleh al-Ghazali yang dimiliki British Library.

## **PERKEMBANGAN PENULISAN MANUSKRIP MELAYU ISLAM**

Masyarakat Melayu tidak didedahkan dengan pembudayaan ilmu pengetahuan sebelum kedatangan Islam ke Nusantara atau alam Melayu. Jika terdapat warisan bertulis semasa era pengaruh kerajaan Hindu-Budha, bahan tersebut tidak lebih dari karya-karya sastera berbentuk hikayat dan kisah-kisah *bahadur* seperti *Kakawin Arjunawiwaha* (ditulis pada kira-kira 1030) dan *Kakawin Arjunawijaya* (t.th.). Objektif pengenalan sastera ini tidak lain dari menghiburkan golongan istana dan bangsawan serta untuk menjadi panduan kepada putera-putera mereka agar menjadi pahlawan yang berani. Tidak dapat dipastikan tokoh ilmuan yang muncul pada ketika itu. Akan tetapi yang agak menonjol adalah peranan pawang, bomoh atau ahli nujum yang diangkat sebagai penasihat kepada istana dalam hal-hal pentadbiran. (Zulkiflee et al. 2011: 102-105; Amer Hudhaifah & Salmah 2016: 34). Manakala bagi rakyat luar istana, sastera yang terkenal dalam kalangan mereka adalah satera lisan yang diceritakan dari mulut ke mulut secara turun-temurun, walaupun antara keduanya itu wujud keserasian kerana keadaan semula jadi yang mana setiap satunya mempengaruhi yang lain dari aspek persembahan dan pengolahan cerita (Ding, 2003: 10).

Dalam konteks penilaian pengaruh Hindu Buddha yang datang menguasai alam Melayu sekitar abad ke-5 yang membawa bersama sistem tulisan seperti tulisan Pallava, Nagiri dan Kawi dan kesusasteraan seperti, epik Mahabrata dan Ramayana, Syed Naquib al-Attas (1967: 13) menjelaskan bahawa:

“Falsafah agama Hindu tidak mempengaruhi masyarakat Melayu- Indonesia. Masyarakat Melayu- Indonesia lebih cenderung kepada sifat-sifat kesenian daripada sifat falsafah. Unsur-unsur falsafah yang bersendikan budi dan pengetahuan akhliah dengan sendirinya tersingkir, jauh terusir terkucar-kacir pada bukan tempatnya”.

Syed Mohd Naquib (1967: 16) juga menyatakan bahawa:

“Agama Hindu dan Buddha tidak berhasil mempengaruhi intelek Melayu untuk melahirkan ahli fikir dan failasuf dari kalangan bumiputera samada di Jawa mahupun Sumatera”

Kedatangan Islam ke Nusantara telah mengubah pandangan sarwa dan kehidupan masyarakat Melayu dengan meninggalkan amalan animisme dan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup. Semasa Kesultanan Peureulak (840-1292) didirikan di Aceh Timur pada abad ke-9M, masyarakat Melayu telah mula menuntut ilmu dari para pendakwah Islam dan dalam tempoh tersebut dianggarkan bahawa pembudayaan ilmu dipergiatkan dengan manuskrip kitab sebagai sumber ilmu. Walau bagaimanapun, manuskrip yang digunakan dalam fasa awal, bukan merupakan karya ulama tempatan. Akan tetapi merupakan manuskrip yang dibawa masuk oleh pendakwah dari negara Arab semasa menyebarkan Islam di rantau ini seperti manuskrip *Izhar al-Haqq* dan manuskrip *Tadhkirat Tabaqat Jumu' al-Salatin* (Amer Hudhaifah, 2017: 26; Hasjmy 1981: 147). Selain itu, hanya sebuah karya berjudul *Bahr al-Lahut* yang telah ditulis di dalam wilayah Peureulak antara 1165-1177, tetapi menggunakan bahasa Arab dan penulisnya adalah 'Abd Allah 'Arif yang merupakan seorang da'i berketurunan Arab yang bertugas menyebarkan Islam di Sumatera Utara (Amer Hudhaifah, 2017: 26).

Perkembangan berikutnya, menyaksikan tulisan Jawi memainkan peranan penting bagi menyokong perkembangan lisan dan tulisan yang ada pada masa kemunculan Islam. Tulisan ini

terbentuk hasil pertembungan dan penyerapan agama dan budaya baru ini. Tulisan ini telah diubahsuaikan dari sistem tulisan huruf Arab dengan sedikit inovasi setempat (Syed Naquib, 1967: 41). Perlahan-lahan bahasa Melayu yang menggunakan huruf Jawi dibentuk setelah menguasai bahasa Arab (Adi Haji Taha et al., 2006: 30). Perkataan Jawi ini adalah kata sifat yang membawa erti “Orang Jawa” atau berasal dari “Tanah Jawa”. Sebagai contoh Ibn Batutah telah menggunakan nama *al-Jawah* bagi merujuk kepada Nusantara. Perkataan Jawi adalah nama bagi penduduk-penduduknya. Dengan itu nama Jawah dan Jawi tidak hanya merujuk kepada kepulauan Jawa dan penduduknya sahaja bahkan ianya digunakan untuk seluruh daerah Asia Tenggara dan penduduknya sekali (Ibn Batutah, 1964). Oleh itu, orang Arab memberi gelaran kepada orang Melayu dan orang Jawa dengan bangsa Jawi dan tulisan Melayu yang menggunakan huruf Arab itu disebut sebagai tulisan Jawi.

Tambahan pula tulisan Jawi dibentuk dengan menggabungkan huruf-huruf Arab dengan huruf-huruf baru yang direka seperti huruf ca (خ), nga (غ), pa (ف), ga (ض) dan nya (ث) (Harun Jaafar, 2004: 24). Ia diperkenalkan bukan sahaja bagi membolehkan masyarakat untuk membaca al-Qur’an, malah bertujuan untuk menelaah kitab dalam pelbagai bidang ilmu. Justeru, melalui tulisan Jawi ulama-ulama tempatan mula menghasilkan pelbagai manuskrip bagi merakamkan buah fikiran mereka (Harun Mat Piah et al., 2000: 37-38).

Dengan penerimaan agama Islam hampir di seluruh wilayah Nusantara menjadi agama rasmi, akhirnya penduduk setempat lama-kelamaan juga terbiasa dengannya. Mereka dapat menguasai tulisan Jawi dan mengaplikasikannya dalam pelbagai manuskrip mereka sebagai tulisan yang diiktiraf penggunaannya sehingga menjadikan kajian manuskrip Melayu digunakan dalam pengajaran dan pembelajarannya di alam Melayu (Makmur Harun, Muhamamd Firman dan Muhammad Yafri Yahya, 2016: 2).

Masih belum terdapat catatan yang tepat tentang bilakah bermulanya penulisan manuskrip Melayu, sehingga kini. Ini kerana kebanyakan manuskrip yang ditemui adalah tanpa tarikh dan nama pengarang. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa penulisan manuskrip Melayu berkembang pada abad ke-15 dan mencapai kemuncaknya pada abad ke-17. Pendapat ini

dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas yang menyatakan bahawa manuskrip Melayu bermula sejak sebelum abad ke-15 dan mencapai kemuncaknya pada abad ke-17 Masihi (Al-Attas, 1989 dan Mahyuddin Yahya, 2000: 2-6; 2004). Jika ini diambil kira, maka andaian bahawa bermulanya penulisan manuskrip Melayu adalah beberapa abad sebelum itu, paling tidak pun pada abad ke-9. Pendapat ini bersandarkan kepada bukti bahawa pada abad itu sudah muncul kerajaan Islam di Perlak yang terletak di utara Sumatera (Mahyuddin Yahya, 2000: 2-6). Walaupun tidak semua manuskrip yang ditemui tidak dicatat tarikh, namun ada juga yang dicatat tarikhnya. Maka berdasarkan catatan inilah para pengkaji membuat andaian bahawa antara manuskrip yang tertua ditemui, setakat ini bertarikh 998 H / 1590 M ialah Aqa'id al-Nasafi, sebuah naskah yang menggunakan tulisan Jawi dan merupakan satu terjemahan daripada kitab agama Islam (Fateh, 2020; Muhani, 1988: 2). Namun, pada era yang kemudian, berkurangnya penulisan manuskrip Melayu lama bersebab daripada pengenalan mesin cetak pada abad ke-19 di alam Melayu.

Kitab *al-Aqā'id al-Nasafi* merupakan sebuah karya yang agung, dikarang oleh Imam Najmuddin Abu Hafs Umar al-Nasafi. Karya agung ini bertujuan membahaskan pendirian tauhid Ahli Sunnah Wal Jamaah menurut aliran al-Maturidiah yang digagas Imam Abu Mansur al-Maturidi. Kitab ini telah disyarahkan ramai ilmuan Kalam, antaranya Imam Sa'aduddin Mas'ud ibn Umar al-Taftāzānī yang dinamakan *Sharh al-Aqā'id al-Nasafiah* dan telah digunakan secara meluas oleh umat Islam sebagai rujukan Tauhid yang kukuh sehingga ke hari ini. Lebih menarik, karya syarahan Imam Taftazani ini pernah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh seorang ulama yang masyhur di Alam Melayu, iaitu Sheikh Nuruddin Muhammad Jailani ibn Ali Ibn Hasanji Ibn Muhammad Hamid al-Raniri pada abad ke 17 Masihi. Beliau pernah dilantik sebagai Mufti di Aceh Besar oleh Sultan Iskandar Thani dari 1637-1641M kerana ketokohan ilmunya. Beliau bukan saja mufti, bahkan seorang sufi dan mutakalim. Bukan itu saja, karya beliau tersebut turut diiktiraf sebagai manuskrip yang tertua di Alam Melayu setakat ini. Diberi nama *Durr al-Farā'id bi Sharh al-Aqā'id*, kitab ini diperkirakan selesai diterjemah pada tahun 1630M (Fateh, 2020).

*Durr al-Faraid* yang diterjemah Sheikh Nuruddin al-Raniri membahaskan pendirian aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah secara komprehensif. Turut juga dibahas sumber-sumber ilmu, sifat-sifat Allah SWT, al-Quran, perkara-perkara ghaib seperti Malaikat, azab kubur, syurga dan neraka. Selain itu aspek ketatanegaraan seperti perundangan, khilafah dan *imamah* kepemimpinan juga dikupas. Selain menterjemah, Syeikh al-Raniri juga turut menerapkan sebahagian daripada kefahamannya di dalam penulisan tersebut. Ini bagi menyesuaikan dengan konteks masyarakat Melayu pada zaman itu (Fateh, 2020).

Daripada perbincangan di atas, secara umumnya boleh disimpulkan bahawa manuskrip Melayu mula dihasilkan sebelum abad ke-15 lagi dan sampai ke kemuncaknya pada abad ke-17 (al-Attas, 1989; Mahayudin Yahaya, 2004). Tempoh masa ini dipilih adalah berdasarkan pada abad tersebut berlakunya pencapaian ilmu pengetahuan Islam di Alam Melayu dan ilmu pengetahuan pesat berkembang sehingga dikatakan sampai kepada kemuncaknya dengan kelahiran beberapa tokoh sarjana Alam Melayu (Asma Ahmat, 1986; Mahayudin Yahaya, 2004). Namun begitu, seperti yang dinyatakan oleh Abu Hassan Sham (2006), untuk menentukan tarikh sebenar permulaan penulisan manuskrip Melayu ini adalah amat sukar. Tambahan pula, kebanyakan manuskrip yang ada sekarang ini dan yang dihasilkan pada abad ke-15, tidak diketemui manuskrip asal tulisan pengarang (teks Autograf) untuk membuktikan secara jelas abad ke-15 tersebut merupakan permulaan penulisan manuskrip Melayu (Mohd Anuar, 2017).

Kajian terhadap karya Melayu khususnya manuskrip Melayu-Islam telah dimulakan sejak abad ke-16 lagi oleh para sarjana Barat, bermula sarjana Belanda, kemudiannya diikuti oleh Inggeris dan sarjana-sarjana Eropah yang lain, antaranya seperti R.O. Winstedt, R.J. Wilkinson, J. Longan, William Marsden, Sir Stamford Raffles, John Crawford dan lain-lain lagi (Mohd Anuar, 2017: 63; Mahayudin Yahaya, 2000). Mereka kemudiannya membawa pulang ke negara masing-masing pelbagai manuskrip yang diperolehi daripada gugusan Alam Melayu ini. Sebagai contohnya, kebanyakan manuskrip Melayu-Islam di Indonesia, terutamanya di Aceh yang menjadi tanah jajahan Belanda dibawa dan dikumpulkan di Perpustakaan Universiti Leiden



(Mahayudin Yahaya, 2000). Manuskrip asli tulisan Hamzah Fansuri (1550-1600), Nur al-Din al-Raniri (w. 1658) dan Abd Ra'uf Sinkili (1615-1693) umpamanya masih lagi tersimpan di sana sehingga kini. Usaha untuk mengesan dan mendapatkan maklumat berkaitan manuskrip yang berada di dalam dan luar negara telah dibuat dengan menghasilkan pelbagai jenis katalog. Ada yang diusahakan oleh Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia secara rasmi, ada yang diusahakan oleh pusat manuskrip terbabit dan ada pula yang dihasilkan oleh para pengkaji yang lain secara persendirian. Antara contoh katalog tentang manuskrip Melayu di luar negara telah dihasilkan adalah seperti, Katalog Manuskrip Melayu di Belanda (1985), Katalog Manuskrip Melayu di Perancis (1991), Katalog Manuskrip Melayu di Jerman Barat (1992), Katalog Manuskrip Melayu di Library of Congress USA (1993), Katalog Manuskrip Melayu di Singapura (1993) dan Katalog Manuskrip Melayu di Afrika Selatan (1998)(Mohd Anuar, 2017: 63).

Suatu hakikat yang perlu disedari ialah permulaan tumbuhnya dan berkembangnya penulisan manuskrip Melayu lama berkaitan erat dengan proses pengislaman di Kepulauan Melayu. Islam secara syumul mentransformasikan kehidupan umat Melayu di Kepulauan Melayu dalam semua bidang, baik sistem kepercayaan, ketatanegaraan, undang-undang, ekonomi, ilmu dan pendidikan, bahasa serta akhlak (Awang, 2019b).



Gambar 2: Kitab *al-Aqā'id al-Nasafiah* merupakan sebuah karya yang agung, dikarang oleh Imam Najmuddin Abu Hafs Umar al-Nasafi.



Foto 1. Halaman depan manuskrip *Durr al-Fara'id* MSS 3308 (A) Perpustakaan Negara Malaysia (naskah A)

Gambar 3: Halaman hadapam manuskrip *Durr al-Fara'id* MSS 3308 (A) Perpustakaan Negara Malaysia (naskkah A)

## **ISU DAN CABARAN PEMARTABATAN MANUSKRIP MELAYU SEBAGAI KHAZANAH KEARIFAN TEMPATAN**

Terdapat beberapa isu yang dikenalpasti menjadi cabaran dalam kajian manuskrip Melayu, khususnya manuskrip Melayu Islam dengan tulisan Arab-Jawi. Pertama, isu besar yang menjadi hambatan dalam kajian manuskrip Melayu ialah masih terlalu kurang analisis kandungan dilakukan terhadap manuskrip-manuskrip tersebut, sehingga manuskrip Melayu lama lebih dihargai sebagai artifak dan tinggalan barang lama. Amat malang sekali kajian terhadap manuskrip ini masih lagi ketinggalan berbanding bidang yang lain. Kekurangan kajian mengenai hal ini menyebabkan sumbangan mereka yang besar dan bernilai tidak diketahui dan dihargai oleh masyarakat Islam. Lebih menyedihkan lagi ilmu yang disampaikan oleh mereka dalam penulisan manuskrip terabai dan hanya dilihat sebagai artifak dan bahan antik untuk tujuan perhiasan semata-mata (Mohd Anuar, 2017: 63; Dong Choo Ming, 2003 dan 2008). Oleh sebab itu, sudah tiba masanya, dilakukan kerja secara bersinergi dalam kalangan pakar, institusi dan negara untuk mengangkat kandungan kearifan setempat yang terdapat dalam manuskrip Melayu lama, khususnya manuskrip Melayu Islam sebagai sumbangan peradaban Melayu kepada peradaban sejagat dan untuk menjadi

salah asas perencanaan pembangunan semasa dan masa hadapan (Awang, 2019).

Kedua, penerapan metodologi kajian manuskrip Melayu berdasarkan ilmu filologi tempatan perlu dilakukan dan tidak hanya bersandarkan kepada ilmu orientalis Barat dalam kajian manuskrip Melayu Islam. Sepanjang lebih separuh abad bermula 1950-2016, dapat dilihat para sarjana tempatan membahaskan isu-isu berkenaan manuskrip dan filologi Melayu hanya berdasarkan kerangka Barat tanpa memperbaharui dan membetulkan kelemahan fahaman yang diperkenalkan mereka walau sedikit pun (Rahimin Affandi et al. 2013: 36). Kajian terhadap manuskrip Melayu akhir-akhir ini juga memperlihatkan penerapan metodologi yang divedok dari pengalaman orientalis tanpa dikritik.

Metodologi ilmu filologi yang digunakan pada hari ini berasal dari pengalaman ilmuan-ilmuan Hellenistic yang mengkaji manuskrip Yunani Kuno (*ancient Greece*) bertarikh sekitar 200-100 sebelum Masihi. Perkataan filologi (bahasa Inggeris: Philology) itu sendiri sebenarnya diambil dari bahasa greek φιλολογία (dibaca: philologia) yang bermaksud “cintakan kata-kata/bahasa” (Amer Hudhaifah, 2017). Sehubungan itu, kita mendapati jika pun kita bersetuju bahawa kerangka Barat dan metodologi Hellenistic ini boleh digunakan bagi mengendalikan sebahagian manuskrip Melayu yang menepati ciri-ciri tertentu, namun bagi sebilangan manuskrip Melayu yang lain, ia tidak wajar diterapkan. Ini kerana manuskrip Melayu bervariasi bentuk dan ragam menyebabkan penerimaan secara total terhadap premis awal yang diperkenalkan tokoh-tokoh orientalis akan mencelarukan teori filologi Melayu apabila kita berhadapan dengan sebahagian manuskrip yang tidak menepati ciri-cirinya ini, khususnya manuskrip Melayu yang ditulis dalam bahasa Arab dan tulisan Jawi, dan sebilangan manuskrip genre kitab yang ditulis selepas zaman percetakan.

Seterusnya pada tahun 1995, Mat Saad Abdul Rahman (1997) telah cuba menyempurnakan kekurangan ini dengan memperkenalkan metodologi yang bersumberkan pemikiran sarjana Arab. Metodologi ini diperkenalkan melalui kertas kerjanya yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu (3-4 Oktober) dengan judul *Tahqiq Manuskrip Arab-Melayu*. Walaupun tidak dijelaskan secara eksplisit sumber

utama yang dirujuk oleh beliau, namun berdasarkan perbandingan yang dilakukan oleh Amer Hudhaifah (2017), didapati bahawa gagasan teori yang diperkenalkan adalah berdasarkan teori Salah al-Din al-Munajjid dalam artikelnya yang berjudul (قواعد تحقيق المخطوطات), bermaksud: Kaedah-kaedah Menyelenggara Manuskrip) yang diterbitkan dalam *Majallat Ma'had al-Makhtutat* pada tahun 1955 (Amer Hudhaifah 2016: 21-22). Menurut Amer Hudhaifah (2017), usaha Mat Saad Abdul Rahman sangat terpujii terutamanya dalam menyempurnakan kekurangan separuh abad bidang Filologi Melayu. Walaupun metodologi ini tidak mendapat publisiti yang sewajarnya sehingga ia jarang dirujuk dan para pengkaji manuskrip pada masa kini masih kekal menggunakan metodologi orientalis dan membahaskan Manuskrip Melayu berdasarkan kerangka Barat.

Hal yang sama juga perlu diperhatikan apabila mengkaji manuskrip yang memperihalkan tentang sejarah kesultananan Melayu dan ketatanegaraan. Pengkaji manuskrip dan sejarawan Malaysia digesa tidak bergantung kepada sumber Barat semata-mata dalam mengkaji sejarah Tanah Melayu dan kesultanan Melayu sebaliknya perlu merujuk kepada sumber Arab (Hafizah, 2016). Ini disebabkan bukan sahaja hampir semua buku geografi Arab mencatatkan Tanah Melayu, bahkan sebahagian sumber Barat juga sebenarnya adalah terjemahan daripada karya klasik dalam bahasa Arab. Prof Dr Adel M Abdul Aziz Algeriani, yang kini merupakan Pengarah INSPIRE, mengingatkan kemungkinan sumber terjemahan tidak dapat memberikan maklumat sepenuhnya kepada sejarawan dan pengkaji sejarah. Dalam sejarah turut mencatatkan banyak karya berbahasa Arab mengenai Tanah Melayu yang mendorong orang Barat datang ke Tanah Melayu (Hafizah, 2016).

Ketiga, manuskrip Melayu merupakan warisan yang sangat bernilai bagi bangsa dan Tamadun Melayu. Usaha dan hak pemeliharaan, pemuliharaan, perlindungan, dan pelestarian khazanah warisan ini seharusnya tidak diletakkan di tangan bangsa lain yang tidak ada kena mengena dengan bangsa pemilik, iaitu bangsa Melayu kerana perbezaan pengalaman dan latar belakang akan menyebabkan segala tanggungjawab penting terhadap warisan itu tidak dilunaskan sebaiknya. Antara tanggungjawab yang dimaksudkan adalah cara berinteraksi

dengan barang tinggalan ini secara aktif dan proses interpretasinya (Amer Hudhaifah, 2017: 29).

Namun begitu, khazanah warisan ini walaupun ia tidak 'dilayan' dengan cara yang sepatutnya oleh bangsa lain yang menjarah hak penjagaannya, ini tidak bererti ia tidak akan memberi apa-apa manfaat bagi bangsa penjarah tersebut. Kerana itu kita melihat kebiasaan bangsa-bangsa penjajah apabila menduduki sesuatu negara bangsa dan menguasainya segala perbendaharaannya, mereka akan menggali dan mengkaji tinggalan kebudayaan bangsa tersebut. Apa yang pasti, hampir keseluruhan nilai estetikanya akan 'dilucutkan' dan yang tinggal adalah masej dan ilmu yang bercirikan logikal atau mungkin juga bersifat teoritikal semata-mata (Rahimin Affandi et. al. 2013: 33). Lebih membimbangkan jika mesej dan ilmu yang 'tercabut' dari nilai estetikanya ini diambil bulat-bulat oleh bangsa pemilik asal dan meneruskan pelestariannya secara sepenuhnya berdasarkan dapatan 'kering' tersebut. Pastinya hal ini akan memberi impak yang tidak baik terhadap warisan itu tidak kira sama ada ia disedari oleh bangsa pemilik ataupun tidak.

Kempat, manuskrip Melayu menyentuh pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti agama, ekonomi, politik, undang-undang dan ketaatnegeraan, sosial, budaya, teknologi dan mistik (Naim, 2020: 12). Belum wujud lagi katalog khusus dalam bidang pengajian Islam atau pendidikan Islam yang dihasilkan. Namun, kebanyakan katalog sedia ada hanya membahagikan manuskrip Melayu secara umum sahaja, seperti bidang agama, kesusasteraan, sejarah, undang-undang, warkah surat, perubatan tradisional, syair dan nazam, ketatanegeraan, petua, azimat, kitab ramalan dan sebagainya. Hal ini menyebabkan maklumat terhadap manuskrip yang dihasilkan oleh para ulama Alam Melayu dalam sub-bidang tertentu tidak diketahui oleh masyarakat amnya selain beberapa isu lain berkaitan kesahan maklumat dan juga deskripsi yang tidak konsisten dalam penulisan katalog (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2016). Di samping itu, hal ini juga menyebabkan kajian lanjutan dalam sub topik tertentu tidak dapat dilakukan oleh para pengkaji terkemudian seterusnya khazanah dan sumbangan para sarjana Alam Melayu dalam ilmu dan bidang penulisan menjadi kabur.

Kelima, kebanyakan manuskrip Melayu berada di luar alam Melayu. Kesukaran usaha untuk membawa pulang khazanah manuskrip Melayu ke Alam Melayu kerana membabitkan kos yang tinggi. Lebih 20,000 manuskrip Melayu yang kini tersimpan di pelbagai benua, iaitu Asia, Eropah, Afrika, Amerika dan Oceania, meliputi 28 buah negara sedunia. Sebahagian besarnya tersimpan di luar alam Melayu, contohnya di perpustakaan Universiti Leiden di Belanda, sebagai akibat penjajahan dan juga minat besar sarjana asing terhadap peradaban Melayu. Akses kepada kebanyakan manuskrip Melayu lama menjadi lebih mudah kini dengan terhasilnya edisi digital dan wujudnya portal-portal yang merekodkan manuskrip Melayu lama (Awang, 2019). Walaupun demikian, tidak mustahil segala manuskrip ini boleh dimiliki semula oleh Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura jika semua negara tersebut bekerjasama mendigitalkannya. Sehingga kini belum ada kerjasama membabitkan semua negara terbabit, sebaliknya hanya melalui usaha persendirian seperti dikelolakan Indonesia dengan kerjasama Universiti Hamburg di Jerman dan Singapura bersama British Library di Britain (Hafizah, 2018).

Menurut Dr Surya Suryadi, Pensyarah di Leiden Institute for Area Studies (LIAS) di Universiti Leiden, kiraan kos untuk mendigitalkan semua manuskrip itu belum pernah dilakukan, namun sebagai pedoman di Leiden kos untuk mendigitalkan selembar naskhah adalah 1 euro (RM4.83) dengan tambahan RM72 bagi tempahan baharu. Justeru, untuk naskhah 500 halaman, andaian kos diperlukan adalah kira-kira RM2,485. Jadi, kalau diandaikan 20,000 naskhah itu berjumlah sejuta halaman, jadi kos digitalnya juga cukup besar. Sebelum ini, British Library terbabit dengan projek digital keseluruhan manuskrip Melayu dalam simpanannya yang mencecah kos sekitar RM686,180 (Hafizah, 2018).


Keenam, walaupun pelbagai usaha boleh dibuat untuk memudahkan kajian terhadap manuskrip Melayu, seperti pendigitalan dan pembangunan pangkalan data manuskrip Melayu, namun isu utama yang perlu disedari adalah minat dalam kalangan sarjana Melayu untuk mengkaji teks berkenaan sudah menurun. Di Malaysia, tidak ramai orang muda berminat. Tambahan pula, generasi sarjana dahulu seperti Dr Wan Ali Wan

Mamat, Prof Dr Jelani Harun, Dr Harun Mat Piah, Kamariah Abu Samah, Prof Madya Dr Ab Razak Ab Karim, Prof Madya Zahir Ahmad, sekitar lima tahun ke hadapan kebanyakan dari generasi sarjana ini telah memasuki usia persaraan. Di Indonesia, kumpulan pengkaji naskhah bergabung dalam organisasi yang disebut Masyarakat Pernaskahan Nusantara (MANASSA) dan organisasi ini aktif mengadakan diskusi, seminar, simposium seputar dunia pernaskhahan Nusantara (Hafizah, 2018).

Walaupun terdapat hampir 20,000 manuskrip yang boleh dirujuk sebagai manuskrip Melayu, di luar negara seperti di Universiti Leiden, terdapat juga naskhah yang ditulis dalam tulisan selain Jawi. Antaranya tulisan rencong, Bugis, Bali, Sunda dan Jawa, tetapi manuskrip bertulisan Jawi tetap menjadi bahagian paling banyak dan naskhah berkenaan adalah koleksi diperoleh Belanda ketika zaman penjajahan dan ia datang dari pelbagai daerah di alam Melayu (Hafizah, 2018).



Peta 1: Lokasi manuskrip Melayu di seluruh dunia.  
Sumber: *Berita Harian*, 26 Februari 2018.



Gambar 4: Sebahagian manuskrip yang tersimpan di Malaysia.



Gambar 5: Sebahagian manuskrip alam Melayu yang tersimpan rapi di luar negara.

Sumber: Harian Metro, 24 Januari 2021.

## **PROSPEK MASA DEPAN KAJIAN MANUSKRIP MELAYU ISLAM**

Manuskrip Melayu Islam menjadi warisan kearifan tempatan yang sangat bernilai dan terpenting sebagai warisan tamadun bangsa yang amat berharga. Ribuan manuskrip alam Melayu dikatakan bernilai puluhan juta ringgit tersimpan di beberapa lokasi di seluruh dunia. Antaranya ialah di British Library, London, United Kingdom; Muzium Topkapi, Istanbul, Turki; Muzium Leiden,



Belanda selain Portugal. Manuskrip alam Melayu ini terdiri daripada pelbagai kategori, antaranya hikayat cerita Melayu, undang berkanun ketika era kegemilangan Melaka sehingga kepada surat rasmi raja-raja. Menerusi arkib digital di British Library, tersimpan lebih 100 naskhah manuskrip pelbagai bidang termasuk kanun bertulis, Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah serta surat daripada kesultanan Melayu kepada pembesar luar (Muhammad Saufi dan Nor 'Asyikin, 2021).

Arkib digital berkenaan kini boleh diakses secara percuma dengan memasukkan kata kunci 'Jawi' dan semua bahan manuskrip berkenaan ditulis dalam bahasa Jawi dan ada juga dalam bahasa Arab. Kesemua manuskrip berkenaan tersimpan di beberapa negara dan ia cukup terpelihara. Tahap nilai sesebuah manuskrip itu diukur menerusi isi kandungannya, pengarangnya dan usia manuskrip berkenaan. Setiap manuskrip itu akan memberi gambaran kepada kehidupan masyarakat, teknologi serta pengetahuan ketika ia ditulis. Kebanyakan manuskrip ini berusia antara 200 hingga 700 tahun termasuk manuskrip besar seperti Sejarah Melayu serta kitab-kitab awal berkaitan agama Islam. Kitab-kitab berkaitan hukum hakam agama ini kebanyakannya ditulis oleh ulama Nusantara sebelum manuskrip berkenaan dibawa ke negara luar untuk simpanan serta kajian (Muhammad Saufi dan Nor 'Asyikin, 2021).

Banyak pihak dan institusi yang bergiat dan berusaha menjaga serta mengumpul manuskrip Melayu. Pihak yang terlibat, antaranya adalah seperti Perpustakaan Negara, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara, Universiti Sultan Zainal Abidin, Muzium Budaya Melayu Melaka, Muzium Diraja Abu Bakar, Muzium Kelantan, Muzium Terengganu, Muzium Sarawak, Perpustakaan Negeri Kedah, Muzium Negeri Perlis, dan ada yang turut menjadi koleksi individu (Atikah & Othman, 2012: 38).

Perpustakaan Negara beroperasi hampir sepenuhnya ke arah menyimpan manuskrip ini. Lebih dua puluh dua ribu buah manuskrip terkumpul dan disimpan di situ. Pusat ini juga turut mendokumenkan data-data penyimpanan manuskrip Melayu yang wujud di seluruh Malaysia dan di luar negara. Sebagai usaha untuk memelihara manuskrip ini, Pusat Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara telah menubuhkan satu unit kecil. Unit ini

bergiat untuk mengawal keadaan manuskrip-manuskrip tersebut. Pentingnya manuskrip ini dijaga dengan rapi agar keadaannya sentiasa terpelihara dalam keadaan yang baik sebagai warisan bangsa yang amat berharga untuk generasi kini dan juga generasi akan datang.

Menurut Mohd Syukri Yeoh Abdullah (Prof Madya Dr), Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), daripada puluhan ribu manuskrip Melayu yang masih tersimpan di pelbagai negara, terdapat manuskrip yang masih belum dikatalogkan lagi oleh penyimpan seperti muzium di beberapa muzium utama dunia seperti di Belanda, Itali dan United Kingdom. Sementara itu, sebanyak sekitar 4,600 manuskrip bertulisan Jawi dalam pelbagai bidang ilmu yang menjadi koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) masih belum dikaji sehingga ke hari ini (Siti Haliza, 2015). Manuskrip Melayu merakamkan ketamadunan Melayu dan khazanah keilmuannya yang berharga untuk diketengahkan khususnya kepada orang Melayu. Lantaran itu, pengkaji tempatan memerlukan kaedah khusus untuk melaksanakan kajian terhadap khazanah negara. Sekiranya diwujudkan rundingan di peringkat kerajaan kepada kerajaan (G2G), pastinya dapat dibawa pulang sebahagian besar manuskrip ini namun, negara Malaysia tidak begitu agresif ke arah objektif berkenaan (Siti Haliza, 2015).

Dalam usaha memelihara khazanah warisan manuskrip Melayu, Pusat Manuskrip Melayu perlu diwujudkan bagi memartabatkan sejarah warisan bangsa sekali gus menyangkal dakwaan bahawa bangsa Melayu lemah dan ketinggalan. Cadangan oleh Pengerusi Majlis Penasihat Peradaban Melayu, iaitu Prof Tan Sri Dr Abdul Latiff Abu Bakar memberi respon kepada kebimbangan akan nasib puluhan ribu manuskrip alam Melayu yang bertebaran di seluruh dunia. Sudah tiba masanya untuk kerajaan Malaysia mewujudkan satu institusi khusus yang mengumpul, menyimpan serta melaksanakan kajian berhubung manuskrip lama yang bertebaran di seluruh pelusuk dunia. Pusat berkenaan seharusnya mendapat kerjasama daripada Perpustakaan Negara (PNM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang memiliki kepakaran dalam pengkajian manuskrip. Malahan, dicadangkan agar diwujudkan satu pangkalan data manuskrip Melayu yang berfungsi menguatkan lagi nilai jati diri

anak bangsa Melayu agar tidak dikatakan ketinggalan berbanding bangsa lain, sedangkan manuskrip berkenaan adalah bukti keupayaan kita suatu masa dulu.



Gambar 6: Antara Manuskrip Melayu yang dipamerkan di Perpustakaan Negara Malaysia. - Foto Khairul Azhar Ahmad. Sumber: *Berita Harian*, 26 Februari 2018.

Manuskrip Melayu Islam merupakan khazanah kearifan temyang paling berharga bagi bangsa ini. Pengabaian dan sikap tidak peduli terhadap khazanah ini, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, atau dengan tidak berminat untuk melakukan anjakan paradigma terhadap pemahaman makna ‘manuskrip Melayu’, atau secara tidak sengaja, dengan memandang mudah terhadap segala risiko dan kemungkinan yang boleh mengancam kelestarian khazanah ini, akan memberi impak buruk terhadap diri dan ketamadunan Melayu sendiri. Sudah terbukti bahawa sebilangan manuskrip yang dikarang oleh ‘kearifan tempatan’ kita merupakan manuskrip yang menggunakan bahasa asing, iaitu Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan sesetengah manuskrip ini tidak lagi wujud dalam rupa manuskrip tulisan tangan yang boleh dikenali, malah hanya boleh didapati dalam bentuk ‘kitab kuning’ (Amer Hudhaifah, 2016: 36). Begitu juga sudah terbukti bahawa Manuskrip Melayu mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri menyebabkan ia wajar dikaji menggunakan metodologi yang khusus baginya. Sehubungan itu, adalah

disarankan agar memperbaharui pemahaman dalam istilah 'manuskrip Melayu' dilakukan dan usaha membentuk metodologi kajian Manuskrip Melayu yang tersendiri digerakkan agar tiada lagi manuskrip yang terabai dan proses interpretasinya tidak berdiri di atas asas yang keliru.

Selain itu, usaha untuk membawa pulang manuskrip alam Melayu termasuk kaedah untuk menyimpan salinan berkenaan, atau mempunyai salinan digital yang boleh digunakan untuk kajian lanjut perlu dilakukan kerana ia merupakan khazanah penting negara. Tindakan kurang agresif untuk membawa pulang manuskrip ini dan hanya menilai manuskrip itu hanya buku-buku lama tidak seharusnya berlaku, kerana terdapat banyak ilmu pengetahuan yang bernilai terdapat di dalamnya. Sekiranya manuskrip Melayu hanya sekadar buku lama, sudah pastinya negara barat tidak berminat untuk menyimpannya, malahan banyak naskhah manuskrip alam Melayu yang telah dikaji oleh sarjana Barat.

Usaha pendigitalan ratusan naskhah Melayu yang tersimpan rapi di British Library, United Kingdom, yang kini boleh dibaca dengan satu klik saja, merupakan satu langkah untuk memudahkan pengkaji manuskrip Melayu. Manuskrip sejarah termasuk Hikayat Hang Tuah, Hikayat Tanah Jawa, Undang-undang Melaka dan Hikayat Nabi Yusuf boleh dibaca dalam bentuk digital melalui <http://www.bl.uk/manuscripts/> (*Berita Harian*, 21 Mac 2018). Dengan menggunakan kata kunci 'Melayu' atau 'Jawi', sesiapa saja dengan mudah dapat mengakses manuskrip berkenaan dalam laman sesawang itu. British Library menyimpan sejumlah besar manuskrip Melayu di dalam repositorinya, dan kebanyakannya kesusasteraan, sejarah dan undang-undang yang ditulis dalam skrip Jawi, bermula dari abad ke-17 hingga akhir abad ke-19. Lebih 140 bahan dipamerkan, termasuk manuskrip tulisan tangan dan buku yang dilitograf lebih awal (*Berita Harian*, 21 Mac 21 2018).

Menyedari hakikat kepentingan pemuliharaan manuskrip Melayu lama, Pusat Dokumentasi Melayu (PDM), Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengumpulkan sejumlah 343 judul manuskrip Melayu. Koleksi manuskrip Melayu ini merupakan koleksi manuskrip tulisan tangan huruf Jawi, Rumi, Sanskrit, Bugis, Rencong, Palava atau bentuk tulisan lama. Manuskrip ini bukan

sahaja ditulis di atas kertas, malah ada juga di atas kepingan buluh, daun lontar dan beberapa media lain (Laman Rasmi Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021, [http://pustakapdm.dbp.my/?page\\_id=200](http://pustakapdm.dbp.my/?page_id=200)).

Katalog manuskrip terbitan PDM memuatkan 182 entri manuskrip dalam pelbagai bidang ilmu, iaitu bidang pengajian bahasa Melayu, biografi, agama Islam, kepercayaan, kesusasteraan rakyat, dalam bentuk syair, hikayat, gurindam, perubatan tradisional Melayu, Quran (30 juzuk) dan tafsirannya, sejarah, undang-undang, dan subjek-subjek umum yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Setiap entri yang terakam diberi butiran secara terperinci dan sistematik supaya para penyelidik dapat menggunakannya dengan lebih berkesan. Maklumat manuskrip Melayu tersebut juga disiarkan melalui laman web digital bagi membantu para penyelidik yang berada di mana-mana sahaja untuk mengakses maklumat manuskrip dengan mudah dan cepat dengan melawati pautan: <http://spcats.umlib.um.edu.my/mymanuskrip/> (Laman Rasmi Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021).



Gambar 7: Antara koleksi manuskrip yang terdapat di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka.

## KESIMPULAN

Kajian terhadap naskhah Melayu lama perlu diperkasakan kerana ia warisan bangsa bernilai tinggi dan mengandungi pelbagai

bidang ilmu yang boleh dimanfaatkan. Hal yang demikian kerana hasil kajian yang berwibawa terhadap naskhah manuskrip Melayu dapat memperkaya khazanah ilmu sebagai bahan rujukan persuratan Melayu. Pendekatan terkini yang ditekankan dalam bidang penyelidikan naskhah adalah dengan meneliti kepentingan naskhah terbabit daripada aspek persejarahan, keintelektualan, kebudayaan dan epistemologi Melayu (Ifwan, 2017).

Manuskrip Melayu lama, khususnya manuskrip Melayu Islam menjadi khazanah penting bangsa dalam merakamkan pandangan sarwa mengenai pelbagai peradaban bangsa, serta pertumbuhan dan perkembangan peradaban ratusan etnik di alam Melayu. Selain menandakan ketinggian pemikiran serta permulaan tradisi ilmu yang membawa kepada peradaban lebih tinggi, penghasilan manuskrip Melayu lama meliputi pelbagai bidang itu turut menjadi permulaan perkembangan retorik dan wacana bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sikap sekadar menghargai dan mengagumi kehebatan manuskrip Melayu lama itu tidak akan membawa manfaat besar kepada peningkatan peradaban Melayu. Hal ini kerana, apa yang perlu dilakukan kini ialah melakukan pemerolehan manuskrip Melayu lama dengan lengkap di pusat pendidikan dan penyelidikan di alam Melayu, terutamanya dalam bentuk digital seperti daripada Universiti Leiden, Belanda; British Library dan Royal Asiatic Society (Britain).

Perbincangan di atas menjelaskan bahawa isu besar yang dihadapi dalam kajian manuskrip Melayu Islam kini ialah kekurangan kajian dan analisis kandungan tentang manuskrip, justeru penting untuk melantik pakar filologi dan ilmiah dalam bidang berkaitan peradaban Melayu Islam, bagi tujuan penelitian intensif mengenai kandungan manuskrip lama. Kerajaan di alam Melayu juga perlu bersedia untuk menyediakan dana mencukupi bagi memastikan berlakunya usaha menerbitkan manuskrip Melayu lama dalam bentuk buku dan juga elektronik (Awang, 2019; Siti Haliza, 2019). Dalam masa yang sama, badan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia dan Brunei, Pusat Pengembangan Bahasa dan Pustaka Indonesia, serta Yayasan Karyawan Malaysia dan universiti perlu meningkatkan program memajukan penelitian dan penerbitan manuskrip Melayu.

Manuskrip Melayu lama mempunyai pertalian yang erat dengan pertumbuhan dan perkembangan peradaban umat Melayu, yang sifatnya merentas ratusan etnik di alam Melayu. Justeru, usaha mengangkat manuskrip ini akan menyumbang kepada peradaban Melayu dan sejagat, serta menjadi asas perencanaan pembangunan semasa dan akan datang.

## **RUJUKAN**

- Abu Hassan Sham. (1995). Langkah-langkah memasyarakatkan manuskrip Melayu. Dlm. Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu 1995, hlm. 1-16.
- Abu Hassan Sham. (2003). *Melestarikan Manuskrip Melayu: Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Abu Hassan Sham. (2006). "Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu" dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu. 10-11 Julai 2006, Kuala Lumpur: PNM.
- Adi Haji Taha et al. (2006). *Manifestasi Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Amer Hudhaifah Hamzah & Salmah Ahmad. (2016a). Risalat Damm karya Syeikh Ahmad al-Fatani: Mengkaji Pengaruh Tulisan Ulama Arab dalam Karya Ulama Melayu. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa dan Sastera Arab kepada Penutur Bukan Arab 2016, hlm. 34-40.
- Amer Hudhaifah Hamzah. (2016b). Tahqiq al-Risalah al-Fataniyyah fi al-Nahw: Tahqiq dan analisis kandungan. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amer Hudhaifah Hamzah. (2017). Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea. *International Journal of West Asian Studies*, 9(1), pp 25-38.
- Asma Ahmat. (1986). *Malay Manuscripts: Tradition and Documentation*. London: University College.
- Asmak Hj. Ali, Fatimah Hj Salleh dan Che Zaharah Abdullah. (2013). Penulisan Manuskrip Melayu Islam: Satu Tinjauan Awal. Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan. 228-237.

- Atikah Abd. Azam & Othman Yatim. (2012). Manuskrip Lama: Asas Keupayaan dan Kearifan Melayu Tradisi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 30(1), 2012: 29 – 392. <http://journalarticle.ukm.my/5496/1/1.pdf>.
- Awang Bin Sariyan. (2019a). Sumbangan Manuskrip Melayu Lama Kepada Peradaban Bangsa. Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Lama. Perpustakaan Negara Malaysia, 15-17 Oktober 2019.
- Awang Sariyan. (2019b). Sumbangan Manuskrip Melayu Lama Kepada Peradaban Bangsa. Majlis Ilmu 2019. 1-33.
- Ayatrohaedi. (1986). *Kepribadian budaya bangsa (local genius)*. Jakarta: Pustaka Pelajar.
- Baried, S.B., Soeratno, S.C., Sawoe, Sutrisno, S. & Syakir, M. (1985). Pengantar Teori Filologi. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Bates, P. (2009). Learning and Knowledge in Nunavut, Canada. Paris: UNESCO.
- Battiste, M. (2002). Indigenous Knowledge and Pedagogy In First Nations Education: A Literature Review With Recommendations. Ottawa: Apamuwek Institute
- Berita Harian*. (Mac 21, 2018). Nikmati manuskrip Melayu lama dengan satu klik.
- Chrystal, S.M. (2017). Bridging Science and Traditional Knowledge To Assess Cumulative Impacts of Stressors on Ecosystem Health. *Environment International*, 102(1), 125-137.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Ding Choo Ming. (2006a). *Melestarikan Manuskrip Melayu: Sejarah Awal Penulisan*
- Ding, Choo Ming. (2006b). Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu. Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu 2006, hlm. 13-35.
- Ding, Choo Ming. (2008a). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ding, Choo Ming. (2008b). Pemikiran Melayu dalam Manuskrip Melayu. *Jurnal Aswara*, 3(2), 195-224.



- Fateh Abdul Shukor. (27 Ogos 2020). Manuskrip Tertua Dalam Tamadun Melayu. *The Patriot*. Dicapai pada 15 September 2021. <https://www.thepatriots.asia/manuskrip-tertua-dalam-tamadun-melayu/>.
- Geertz, C. (1981). *Abangan, Santri, Priyayi dalam Masyarakat Jawa*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Habib Shulton Asnawi & Eka Prasetiawati. (2018). Pribumisasi Islam Nusantara Dan Relevansinya dengan Nilai-Nilai Kearifan Lokal di Indonesia. *Jurnal Fikri*, 3(1), 219-258.
- Hafizah Iszahanid. (2018). Miliki semula manuskrip Melayu berharga di Belanda. *Berita Harian*.
- Hafizah Iszahanid. (9 November 2016). Sejarahwan digesa rujuk sumber Arab. *Berita Harian*.
- Harun Jaafar. (2004). *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Harun Mat Piah et al. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2016). "Kebangkitan Intelektual Alam Melayu Nusantara - Kesannya Kepada Pemantapan Epistemologi Melayu Tradisional" dalam Prosiding Seminar Asal-Usul dan Intelektual Melayu Nusantara, Perpustakaan Negara Malaysia. 7-8 November 2016, Kuala Lumpur: PNM.
- Hasjmy, A. (1981). *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Aceh: P.T. al-Ma'arif.
- Hassan Omar. (11 Julai 2006). Caj tinggi punca manuskrip Melayu tersimpan di Britain. *Berita Harian*, 11 Julai.
- Husni Thamrin. (2013). Kearifan Lokal dalam Pelestarian Lingkungan. *E-Jurnal Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim II*, 2(1), 46-58.
- I Gusti Ngurah Suwetha. (2015). Local Wisdoms as an Nalternative an Environment Based Development Towards Green Government. *The International Journal of Social Sceinces*, 33 (1), 44-56.
- I Wayan Rasna & Dewa Komang Tantra. (2017). Reconstruction of Local Wisdom For Character Education Through The Indonesia Language Learning: An Ethno-Pedagogical Methodology. *Jurnal of Theory and Practice in Language Studies*, 7 (12), 1229-1235.
- Ibn Batutah. (1964). *Rihlah Ibn Batutah*. Beirut.

- Ifwan Tun Tuah. (16 Ogos 2017). Perkasakan penyelidikan naskhah Melayu lama. *Berita Harian*.
- Kamus Dewan* (Ed. ke-4). (2005). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. (2000). Karya Klasik Melayu-Islam. Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. (2004). "Penulisan Manuskrip Melayu-Islam: Tata kaedah dan Kepentingannya dalam Masyarakat Melayu Nusantara" dalam Prosiding Seminar Manuskrip Islam, 1-2 Mac 2004. Berakas: Brunei.
- Mahbob Yusof, Juhaida Abd Rahim. (2021). "Asal terubuk ikan puaka; Tempatnya konon di Laut Melaka" - Transliterasi Manuskrip Melayu Jawi: Inovasi dan Kreativiti Pustakawan. Annual Conference of Malaysian Libraries 2021, 14-18 June 2021 (Virtual Conference). [https://www.researchgate.net/publication/352704742\\_Asal\\_terubuk\\_ikan\\_puaka\\_Tempatnya\\_konon\\_di\\_Laut\\_Melaka\\_-\\_Transliterasi\\_Manuskrip\\_Melayu\\_Jawi\\_Inovasi\\_dan\\_Kreativiti\\_Pustakawan](https://www.researchgate.net/publication/352704742_Asal_terubuk_ikan_puaka_Tempatnya_konon_di_Laut_Melaka_-_Transliterasi_Manuskrip_Melayu_Jawi_Inovasi_dan_Kreativiti_Pustakawan).
- Makmur Harun, Muhammad Firman Maulana dan Muhammad Yafri Yahya. (2016). *Jawi dan Kajian Manuskrip Melayu*. Open University Malaysia (OUM), Ogos 2016.
- Manuskrip*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Mat Saad Abdul Rahman. (1997). "*Tahqiq Manuskrip Melayu*" dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Miranita Khusniati, Parmn & Sudarmin. (2017). Local Wisdom Based Sceince Learning Model Through Reconstruction of Indigenous Sceince to Improve Student's Conservationist Character. *Journal of Turkish Sceince Education*, 14 (3), 16-23.
- Mohamad Ramli, Ahmad Azman (2014). Manuskrip Melayu: definasi, kepentingan dan peranan masyarakat terhadapnya / Ahmad Azman Mohamad Ramli. *FIM Communication*, 2 (1). pp. 42-44. ISSN 2289-9103.
- Mohd Anuar Mamat. (2017). Manuskrip Melayu Dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal Di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(1): 61-83.

- Mohd Azlim Zainury. (14 Julai 2019). UniSZA jadi universiti rujukan manuskrip digital pertama. *Sinar Harian*.
- Mu Xiping, H. H., & Kissya, E. (2010). Indigenous Knowledge and Customary Law in Natural Resource Management: Experiences in Yunnan, China and Haruku, Indonesia. China: Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP) Foundation.
- Muhammad Din, Selmita Paranoan, Rahma Masdar, Hamonangan Siallagan & Tarmizi Achmad. (2017). Public Accountability Based on The Value of Local Wisdom. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(8), 1046-1053.
- Muhammad Din, Selmita Paranoan, Rahma Masdar, Hamonangan Siallagan & Tarmizi Achmad. (2017). Public Accountability Based on The Value of Local Wisdom. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(8), 1046-1053.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2016). "Malay Manuscript Cataloguing In Malaysia: Issues And Challenges", dalam Regional Islamic Libraries Seminar 2016 (RELieS). 28- 29 September 2016. Nilai: USIM.
- Muhammad Saufi dan Nor 'Asyikin Mat Hayin. (24 Januari 2021). Khazanah Kita Di Bumi Asing. *Harian Metro*.
- Muhammad Yusri bin Yusof @Salleh & Mohd Anuar Ramli. (2020b). Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Melayu Dari Perspektif Uruf, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 21(1): 21-37.
- Muhammad Yusri Yusof @Salleh dan Mohd Anuar Ramli. (2020a). Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175-188.
- Muhani Hj. Abd. Ghani. (1988). *Teman Pelajar Jawi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Naim Tamdjis. (2020). *Manuskrip Melayu yang Hilang*. Kuala Lumpur: Patriot Publishing.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2012). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*, Tambahan Ketujuh. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2014). Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM/DS/06-P1). dimuat turun daripada <http://www.pnm.gov.my> (2 November 2016).
- Perpustakaan Negara. (1997). *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: IAMM Publication.

- Perpustakaan Negara. (2001). *Malay Manuscript: An Introduction*. Kuala Lumpur: IAMM Publication.
- Perpustakaan Negara. (2002). *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Purna, I Made. (2009). Penguatan Budaya Lokal Melalui Industri Kreatif Untuk Kesejahteraan Masyarakat, *Jurnal Budaya*, 14(16), 22-34.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Ruzman Md. Nor, Nor Hayati Md Dahlal & Norafifah Abd Hamid. (2013). Islam dan Kearifan Tempatan di Alam Melayu: Analisis Kritikal. *Jurnal Jati*, 18(1), 233-245.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md Noor, Mohamad Kamil Abdul Majid, Mohd Fakarudeen Che Omar & Asmak Husin. (2013). Orientalism dan Kajian Manuskrip Islam: Satu Analisa. Prosiding Seminar Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan 2013, hlm. 32-49.
- Ridwan, N.A. (2007). Landasan Keilmuan Kearifan Lokal. *Jurnal Studi Islam dan Budaya*, 5 (1), 27-38.
- Siti Fathimah Abdul Halim. (2014). Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan Peranan dalam Pengurusan Manuskrip Melayu. Disertasi Master. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.
- Siti Haliza Yusop. (27 Oktober 2015). 4,600 Manuskrip Tulisan Jawi Belum Dikaji. *Berita Harian*.
- Siti Haliza Yusop. (5 Disember 2019). Naskhah Melayu "jawab" kuasa asing. *Berita Harian*.
- Siti Hawa Salleh. (1994). Ruang lingkup pengajian filologi Melayu. *Jurnal Filologi Melayu* 3: 1-12.
- Siti Hawa. (1992). Filologi Melayu: Suatu pengenalan. *Jurnal Filologi Melayu* 1: 1-10.
- Syed Muhamamd Naquib al-Attas. (1967). Islam dan Kebudayaan Melayu. Seminar Peradaban Sa-Malaysia, 15-17 Julai 1967, Kolej Islam, Petaling Jaya.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1989). The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Translation of the Aqa'id of al-Nasafi. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2011). Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Penerbit UKM.

- Wan Ali Wan Mamat (1988). *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Warren, D. M. (1996). Using Indigenous Knowledge in Agricultural Development. World Bank Discussion Paper, 127 (2), 39-48.
- Yadav Uppretty. (2012). Contribution Of Traditional Knowledge to Ecological Restoration: Practices and Applications, *Ecoscience*, 19(3), 225-237.
- Yaoubian, J.R. (2017). The Incorporation of Traditional Knowledge into Alaska Federal Fisheries Management. *Marine Policy*, 78(1), 132-142.
- Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhammad & Farawahida Mohd Yusof. (2011). *Tamadun Islam & Tamadun Asia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.